

22 MAY 2003

Mahathir-Tiba (Bergambar)

LEBIH 1,000 SAMBUT DR MAHATHIR DI LAPANGAN TERBANG

ALOR STAR, 23 Mei (Bernama) -- Lebih 1,000 orang yang terdiri daripada anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) dan kakitangan kerajaan, menyambut ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini, pagi ini.

Perdana Menteri bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dengan pesawat khas pada pukul 9.00 pagi bagi merasmikan Mesyuarat Agong Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Wawasan, Jitra.

Dr Mahathir merupakan Ketua Umno bahagian Kubang Pasu.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Yang Turut hadir ialah Menteri Penerangan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan anggota exco kerajaan negeri serta para pemimpin parti komponen BN.

Perdana Menteri kemudiannya diiringi konvoi bermotosikal oleh kira-kira 200 anggota Pergerakan Pemuda Umno Negeri Kedah, hingga ke Jitra.

Selepas majlis perasmian, Dr Mahathir akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Binjal, Jitra kembali ke Dewan Wawasan untuk meneruskan mesyuarat.

Perdana Menteri kemudiannya akan berlepas ke Pulau Pinang.

-- BERNAMA

MNH LAT